

Rabu, 17 Julai 2019 | 8:45pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution (dua dari kanan) melihat produk makanan dan minuman selepas Merasmikan Penarafan Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) 2019 Peringkat Zon Selatan di Komtar JBCC hari ini. - Foto BERNAMA

## 149 premis dapat penarafan Zon Perdagangan Terpilih

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

**JOHOR BAHRU:** Sebanyak 149 premis diberi penarafan sebagai Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak inisiatif itu diperkenalkan pada tahun 2012.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata penarafan ZPT itu sebagai pengiktirafan kerajaan kepada premis yang menjalankan perniagaan secara beretika.

Katanya, pengiktirafan itu memberi manfaat bukan sahaja kepada pemilik premis tetapi kepada pengguna.


"Kementerian akan membantu melakukan promosi buat premis yang diberi penarafan ZPT, selain turut meletakkan premis berkenaan dalam direktori pelancongan negara.

"Bagi pengguna, penarafan ini jaminan bahawa kedai di dalam premis itu mematuhi undang-undang dalam menjalankan perniagaan mereka," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penarafan ZPT Zon Selatan 2019 di pusat beli belah Komtar JBCC di sini, hari ini.

Sejak diperkenal pada tahun 2012 hingga 2018, sebanyak 110 premis di seluruh negara diiktiraf sebagai ZPT, manakala 39 premis lain diberi pengiktirafan sama pada tahun ini.

Pada majlis itu, Saifuddin Nasution mengumumkan sembilan premis di selatan tanah air yang diberi pengiktirafan ZPT membabitkan Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Antaranya, pusat beli belah Komtar JBCC Mall, Sutera Mall, Plaza Kota Tinggi, AEON Mall, Seremban 2 dan Freeport A'Famosa Outlet, Melaka.



## 149 premis terima penarafan Zon Perdagangan Terpilih

**Johor Bahru:** Sebanyak 149 premis diberi penarafan sebagai Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sejak inisiatif berkenaan diperkenalkan pada 2012.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata penarafan ZPT itu sebagai pengiktirafan oleh kerajaan kepada premis yang menjalankan perniagaan secara beretika.

Katanya, pengiktirafan itu memberi manfaat bukan sahaja kepada pemilik premis, tetapi kepada pengguna.

"Kementerian akan membantu melakukan promosi bagi premis yang diberi penarafan ZPT.

"Selain itu kerajaan juga akan meletakkan premis berkenaan dalam direktori pelancongan negara.

"Bagi pengguna pula, penara-

fan ini jaminan bahawa kedai di dalam premis berkenaan mematuhi undang-undang dalam menjalankan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penarafan ZPT Zon Selatan 2019 di pusat beli belah Komtar JBCC di sini, semalam.

Sejak diperkenal pada 2012 hingga 2018, sebanyak 110 premis di seluruh negara diiktiraf sebagai ZPT, manakala 39 premis lain diberi pengiktirafan sama pada tahun ini.

Pada majlis itu, Saifuddin Nasution mengumumkan, sembilan premis di selatan tanah air yang diberi pengiktirafan ZPT memabitkan Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Antaranya pusat beli belah Komtar JBCC Mall, Sutera Mall, Plaza Kota Tinggi, AEON Mall, Seremban 2 dan Freeport AFamosa Outlet, Melaka.